

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 202 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan peranan pihak Kementerian dalam menjayakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) bagi menangani masalah *margin* penyimpanan bekalan air mentah yang rendah di Pulau Pinang. Apakah perancangan/tindakan Kementerian bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk penduduk, keperluan industri dan agrikultur negeri-negeri utara Semenanjung pada musim kering.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada rekod daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), rizab margin Negeri Pulau Pinang bagi suku kedua tahun 2021 adalah sebanyak 30.1% iaitu merupakan antara negeri yang mempunyai rizab margin yang tinggi di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan berbanding negeri-negeri lain seperti Selangor 17.1%, Johor 12%, Kedah 0% dan Kelantan 0%.

## SOALAN NO : 16

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal-hal yang berkaitan sumber air sebagaimana yang telah termaktub di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

3. Peranan Kementerian dalam menjayakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) adalah sebagai pemudah cara, pembiaya dan pelaksana kepada skim tersebut. Itupun hanya setelah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak mencapai persetujuan untuk melaksanakannya. Tanpa persetujuan tersebut tiada apa-apa tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan.

4. Sementara itu ingin saya maklumkan bahawa perkhidmatan bekalan air disediakan oleh operator air negeri masing-masing. Operator air ini hampir kesemuanya dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Fungsi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) adalah menetapkan hala tuju dan polisi sektor air negara, manakala fungsi kawalselia dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan pembiayaan pembangunan aset-aset bekalan air oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berdasarkan pendekatan 'bina dan pajak', atau dengan izin, *build and lease* bagi negeri-negeri yang telah memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air.

5. Untuk itu bagi memastikan bekalan air mencukupi semasa musim kering; kerajaan Negeri bersama operator air dan lain-lain agensi negeri yang berkaitan haruslah membuat persediaan awal dengan mengenal pasti risiko dan menyediakan pelan tindakan kecemasan bagi memastikan bekalan air adalah mencukupi untuk semua pemegang taruh dan gangguan adalah adalah ditahap yang paling minima.

6. Pada masa yang sama langkah-langkah pengurusan permintaan dengan izin *demand management* perlu ditingkatkan dan dilaksanakan melalui pengurangan penggunaan air perkapita, pengurangan air tak berhasil (NRW) dan penggunaan sumber alternatif.

Sekian, terima kasih.